



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGGUNAAN APLIKASI PREMISESCAN BAGI MENGIMBAS KOD QR  
PERIBADI PARA PENGGUNA BRUHEALTH**

Tarikh: 28 Mei 2020

1. Alhamdulillah setakat ini, seramai 233,737 orang dan sebanyak 3,825 premis perniagaan telah mendaftar dengan aplikasi BruHealth. Jumlah ini sangat menggalakkan dan menunjukkan sokongan padu serta kerjasama positif daripada semua lapisan masyarakat dalam memastikan aplikasi BruHealth ini digunakan secara jaya dan sepenuhnya.
2. Kearah memastikan penggunaan aplikasi BruHealth dapat digunakan oleh semua penduduk warga Negara Brunei Darussalam, satu aplikasi baru yang dilancarkan adalah aplikasi PremiseScan iaitu bagi mengimbas Kod QR peribadi para pengguna. Aplikasi terbaru ini akan membolehkan pemilik premis-premis perniagaan seperti restoran-restoran, *gym-gym*, kedai-kedai dan sebagainya untuk mengimbas Kod QR peribadi BruHealth para pelanggan semasa masuk atau keluar dari premis.
3. Aplikasi PremiseScan merupakan satu penambahbaikan yang '*complementary*' kepada aplikasi BruHealth. Ianya akan membolehkan para pengguna yang tidak dapat mengakses aplikasi BruHealth untuk menggunakan kaedah alternatif semasa masuk atau keluar dari premis-premis perniagaan. Para pengguna berkenaan boleh mendapatkan Kod QR peribadi BruHealth terlebih dahulu iaitu dengan melayari laman *web*



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

[www.healthinfo.gov.bn](http://www.healthinfo.gov.bn). Kod QR tersebut hendaklah dibawa ke premis yang akan dikunjungi untuk diimbas oleh pemilik premis tersebut dengan menggunakan PremiseScan. Pada hari ini, kita akan menyaksikan *video tutorial* ringkas aplikasi PremiseScan bagi mengimbas Kod QR peribadi para pengguna aplikasi BruHealth oleh pemilik-pemilik premis.

4. Dikesempatan ini juga, sukacita saya ingin mengingatkan kepada semua pengguna dan pemilik-pemilik premis ataupun peniaga-peniaga bahawa Kod QR perlulah diimbas sebelum masuk dan keluar daripada premis. Alhamdulillah Negara Brunei Darussalam tidak mencatatkan kes baru selama 21 hari, namun kita tidak patut leka dan hendaklah senantiasa '*socially responsible*' untuk memastikan keberkesanan aplikasi BruHealth.
5. Selain daripada premis-premis perniagaan, beberapa premis kerajaan dan premis sektor swasta juga telah menggunakan aplikasi BruHealth ini untuk para pengguna semasa masuk dan keluar premis. Melalui penggunaan aplikasi BruHealth ini secara meluas, InshaAllah ianya akan dapat memudahkan kearah usaha *contact tracing*.